

29/04/2003

Perwaja: Kerajaan dapat bukti kukuh

Veena Rusli; Ridzuan Yop

KUALA LUMPUR: Kerajaan yakin mendapat bukti kukuh bagi mengheret pihak yang bertanggungjawab ke muka pengadilan berikutan siasatan kes Perwaja Steel yang sudah lebih 50 peratus selesai.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Datuk Hashim Ismail, berkata kerumitan kes itu membuatkan siasatannya mengambil masa agak panjang kerana ia turut membabitkan beberapa negara lain.

Dalam membantu siasatan kes berkenaan, beliau berkata ada institusi kewangan di negara tertentu yang enggan memberi maklumat mengenai pelanggan mereka kerana bimbang orang ramai akan hilang kepercayaan terhadap sistem perbankan mereka.

"Insya-Allah, masanya akan tiba untuk kita mendapat bukti kukuh bagi mendakwa mereka yang terbabit dalam skandal ini," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen selepas sesi penggulungan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2002) 2003, semalam.

Hashim berkata, kes yang membabitkan pihak luar memang sukar diuruskan, terutama skandal Perwaja Steel yang turut membabitkan beberapa negara lain seperti Jepun, Hong Kong dan Switzerland.

Beliau berkata, kerajaan mahu memastikan kewibawaan penyiasatan dan pendakwaan mempunyai asas yang kukuh kerana sebarang kelonggaran dalam mana-mana bahagian boleh menjejaskan usaha membawa kes itu bagi proses pengadilan.

"Itulah sebabnya penyiasatan menyeluruh dan sempurna dengan disertakan bukti kukuh dan konkrit dari semua pihak perlu dikumpul sebelum pendakwaan dibuat mengikut proses undang-undang,

"Apabila semua bukti dan maklumat lengkap diperolehi, terutama yang membabitkan urusan dengan negara luar, kita harap kes Perwaja Steel ini dapat diselesaikan," katanya.

Hashim menjelaskan, kerajaan memandang berat keperluan untuk menyelesaikan kes Perwaja dan ia terbukti ketika lawatan kerja Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ke Switzerland, Jun tahun lalu.

Katanya selain mencari pasaran baru untuk barangan Malaysia dan menjalin hubungan lebih rapat dengan Switzerland sepanjang lawatan itu, Dr Mahathir turut mempunyai matlamat mencari jalan penyelesaian skandal Perwaja.

"Ketika di Switzerland, Dr Mahathir meminta pihak berkenaan di negara itu memberi kerjasama dalam melonggarkan peraturan undang-undang kerahsiaan sistem perbankan negara terbabit," katanya.